

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

SOALAN:

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah Kumpulan Ajaran Sesat yang dikesan dalam negara ini dan sejauhmana usaha-usaha diambil bagi membanterasnya.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak **100** ajaran telah difatwakan sesat oleh negeri-negeri di Malaysia. Pada masa ini, tiga ajaran sesat yang aktif telah dikesan dan sentiasa dalam pemantauan pihak berkuasa iaitu

- i. Aliran Pemikiran Liberal;
- ii. Pertubuhan Kerabat Raja Sakti (PKRS)- penjenamaan semula dari Ajaran Azhar Wahab (al-Mansur); dan
- iii. Millah Ibrahim/ Abraham.